

Kepada : Semua Warga Kerja Kumpulan PHN  
Daripada : Ketua Jabatan Modal Insan  
S.kepada : Ketua Pegawai Eksekutif  
Tarikh : 26hb Oktober 2020  
Rujukan : PHN/HCD/Admin/Memo/2020(0039)  
Perkara : **LANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

---

**Assalamualaikum W.B.T dan Selamat Sejahtera**

Merujuk kepada Sidang Media pada hari ini oleh Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkenaan perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor yang dijadualkan tamat Selasa ini, dilanjutkan 14 hari lagi sehingga 9 November depan. Beliau berkata, lanjutan itu dibuat berikutan situasi peningkatan kes positif selain penilaian Kementerian Kesihatan (KKM) yang mendapati masih terdapat lokasi yang berisiko tinggi bagi penularan COVID-19

Sehubungan dengan itu, pihak syarikat akan mematuhi arahan berkenaan dan protokol bekerja daripada rumah dan kilang adalah sebagaimana yang telah diputuskan oleh Ketua Bahagian atau Jabatan masing-masing. Dengan yang demikian, lanjutan fasa PKPB menjadi tanda bahawa pertarungan menentang pandemic Covid19 ini masih belum selesai dan memerlukan setiap individu untuk memainkan peranan masing-masing bagi membendung penularan wabak ini.

Pihak Syarikat juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga kerja Kumpulan PHN kerana menjaga diri dan keluarga anda untuk bebas daripada dijangkiti penyakit pandemik ini dan berjaya mencatatkan sifar kes Covid-19 sehingga hari ini. Namun begitu, pihak Syarikat ingin menekankan kepada semua warga kerja tertutamanya yang berada di Zon Merah untuk bersikap 'preventive' dan lebih berwaspada di sepanjang fasa PKPB ini dengan **#stayathome kecuali untuk perkara penting sahaja**.

Semua pekerja-pekerja yang hadir bekerja diwajibkan untuk mematuhi SOP pencegahan Covid-19 yang telah digariskan oleh pihak Syarikat di sepanjang keberadaan anda di tempat kerja. Sekiranya anda bergejala atau mempunyai sejarah kontak rapat dengan mana-mana pesakit Covid-19, anda hendaklah **SEGERA** melaporkan kepada pihak jabatan masing-masing dan pihak Seksyen Pentadbiran Jabatan Modal Insan dan **DILARANG** untuk berada di premis Syarikat serta-merta.

Bagi mereka yang WFH, pastikan anda menyiapkan sebarang tugas yang diberikan serta boleh dihubungi oleh Ketua anda mahupun rakan sekerja sepanjang waktu bekerja bagi memastikan kelancaran tugas yang telah ditetapkan. Anda juga hendaklah sentiasa bersikap proaktif serta berdedikasi dalam bersama-sama membantu Syarikat menstabilkan semula operasi Syarikat.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama mendoakan yang terbaik untuk negara kita dalam memerangi wabak ini dan amalkan norma baharu di dalam setiap aktiviti harian kita dan di mana sahaja kita berada.  
#kitajagakita #kitabelummenang

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**ALI S MDHAMED ELA**

---